

SOLAT

TA'ARIF

- Bahasa : Doa
- Istilah : Beberapa perkataan dan perbuatan yang didahului dengan takbir dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat tertentu

KEFARDUAN SOLAT

Solat difardukan ketika peristiwa Isra' dan Mi'raj, menurut qaul yang masyhur ianya berlaku pada 27 Rejab tahun kelapan kenabian.

SYARAT WAJIB SOLAT

1. Islam
2. Baligh (Cukup Umur) - Lelaki sampai umur dengan bermimpi dan perempuan dengan datangnya haid
3. Sempurna akal

SYARAT SAH SOLAT

1. Suci daripada hadas kecil dan besar
2. Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat solat
3. Menutup aurat samada di tempat yang sunyi atau awam
4. Mengadap kiblat
5. Mengetahui masuk waktu
6. Niat
7. Meninggalkan perkara-perkara yang membatalkan solat

RUKUN SOLAT

1. Niat
2. Takbiratul ihram
3. Berdiri betul bagi yang mampu
4. Membaca al-Al Fatihah
5. Rukuk serta tumakninah
6. Iktidal
7. Sujud
8. Duduk antara dua sujud dan tumakninah
9. Membaca tahiyyat (tasyahhud) akhir

10. Membaca selawat pada tasyahhud akhir
11. Duduk bagi tahiyyat (tasyahhud) akhir
12. Salam yang pertama
13. Tertib

SUNAT SOLAT

Perkara sunat yang berkaitan solat terbahagi kepada dua :

- a) **Sunat Ab'ad** : Jika ditinggalkan kena ganti dengan sujud sahwi
- b) **Sunat Hai'ah** : Jika ditinggalkan tidak perlu sujud sahwi

• Sunat Ab'ad

- 1) Tahiyyat awal
- 2) Duduk tahiyyat awal
- 3) Salawat ke atas Nabi SAW dalam tahiyyat awal
- 4) Salawat ke atas keluarga Nabi SAW dalam tahiyyat akhir
- 5) Membaca doa qunut dalam solat subuh dan solat witir pada pertengahan hingga ke akhir Ramadhan
- 6) Berdiri semasa membaca qunut
- 7) Salawat ke atas Nabi SAW dalam doa qunut

• Sunat Hai-ah

- 1) Mengangkat tangan
 - a) Mengangkat tangan ketika takbiratul Ihram
 - b) Mengangkat tangan ketika hendak rukuk sebagaimana takbiratul Ihram
 - c) Mengangkat tangan ketika hendak l'tidal sebagaimana Takbiratul Ihram
 - d) Mengangkat tangan ketika bangun pada rakaat kedua sebagaimana Takbiratul Ihram
- 2) Meletakkan perut tapak tangan kanan di atas tangan kiri, memegangnya dan meletakkannya di bawah dada atau di atas pusat.
- 3) Membaca doa *iftitah*
- 4) Membaca *ta'awudz*
- 5) Membaca ayat / surah-surah Al-Quran
- 6) Membaca tasbih ketika rukuk
- 7) Membaca tasbih ketika sujud
- 8) Meletakkan ke dua tangan di atas paha dengan jari-jari kesemuanya
- 9) Duduk *Ifitirash* (duduk tahiyat awal) pada semua duduk
- 10) Duduk *Tawarru'* (duduk tahiyat akhir)
- 11) Salam yang ke dua

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

1. Kedatangan hadas kecil atau hadas besar.
2. Terkena najis yang tidak dimaafkan pada pakaian, badan atau tempat solat.
3. Berkata-kata dengan sengaja dengan dua huruf, sekalipun tidak difahami atau satu huruf yang boleh difahami.
4. Makan dengan sengaja atau makan banyak dengan terlupa.
5. Terbuka aurat tanpa ditutup segera.
6. Bergerak anggota besar tiga kali berturut-turut .
7. Menambah rukun *fe'li* dengan sengaja.
8. Mendahului imam dengan dua rukun *fe'li* atau melambatkannya dengan ketiadaan uzur.
9. Berniat hendak memutuskan solat.
10. Ditaklikkan dengan sesuatu untuk memutuskan solat.
11. Merasa ragu (syak) tentang memutuskan solat.
12. Melakukan rukun-rukun solat serta ragu dalam niatnya.
13. Memalingkan atau mengubah niat dalam solat, samaada :
 - a. Memalingkan niat fardu kepada fardu yang lain.
 - b. Memalingkan niat sunat kepada fardu.
 - c. Memalingkan niat sunat kepada sunat yang lain.
14. Murtad.

15. Mendahulukan rukun *fe'li* dengan sengaja.
16. Meninggalkan satu rukun, walaupun rukun qauli dengan sengaja.
17. Berimamkan orang tidak boleh diikuti solatnya. Seperti orang yang bersolat zohor mengikut imam yang solat jenazah.
18. Memanjangkan rukun solat yang pendek dengan sengaja.
19. Terjumpa pakaian semasa solat, (jika solat dalam keadaan darurat tiada pakaian).
20. Nampak kaki yang tertutup dengan *khuf* atau *khuf* terkoyak.
21. Terkeluar daripada masa diharuskan sapuan khuf (sehari semalam untuk yang mukim dan 3 hari 3 malam untuk musafir).
22. Membelakangkan kiblat atau berpaling dada dari kiblat.
23. Tertawa dengan bunyi yang boleh mengeluarkan suara atau dua huruf yang difahami
24. Berlaku gila semasa solat.
25. Memberi salam dengan sengaja bukan pada tempatnya.
26. Mengulang takbiratul ihram kali kedua dengan niat iftitah.
27. Kembali semula duduk setelah berdiri betul kerana hendak membaca tahiyyat awal dengan sengaja dan tahu pula tegahannya.

KESILAPAN BERKAITAN BACAAN DI DALAM SOLAT

Banyak perkara yang sering kita abaikan ialah berkaitan dengan kebersihan diri (dari najis, hadas besar dan kecil) sebelum mengerjakan solat.

Namun ada lagi beberapa perkara yang tidak disedari oleh kita semua ialah berkaitan dengan bacaan di dalam solat yang boleh menyebabkan solat kita menjadi batal atau cacat kerana kesilapan yang kita lakukan.

PERKARA YANG MAKRUH KETIKA SOLAT

1. Bercekak pinggang semasa bersolat, ianya menyerupai golongan Yahudi..
2. Mendongak / mengangkat pandangan ke atas.
3. Melihat perkara-perkara yang boleh melalaikan seperti pakaian solat, tabir dan hamparan yang bergambar.
4. Pergerakan yang sedikit tanpa tujuan. Samaada dengan tangan, pakaian, badan, janggut, menekup mulut atau hidung tanpa hajat.
5. Berpaling ketika solat tanpa hajat, ianya boleh mengurangkan kekhusyukkan.
6. Menahan kencing atau buang air besar ketika solat.

7. Solat ketika makanan telah tersedia dihidangkan.
8. Memakai pakaian dengan sehelai kain yang menyelubungi badan termasuk tangan tanpa menutup kemaluannya dengan sesuatu.
9. Melabuhkan pakaian melebihi buku lali bagi lelaki dengan niat takbur.
10. Membuang kahak ke arah qiblat atau disebelah kanan (sekiranya solat di tanah lapang atau kawasan masjid yang bertanah)
11. Menguap ketika solat tanpa menahan setakat yang termampu atau menutup mulut.
12. Sujud dengan meletakkan dua siku di atas tempat sujud.
13. Menyandar ke dinding atau berpaut atau bergantung pada tongkat, tali atau sesuatu pautan semasa solat fardu, tetapi diharuskan pada solat sunat.

PERKARA YANG DIHARUSKAN KETIKA SOLAT

1. Menangis kerana takutkan Allah atau kerana perkara lain seperti sakit sekiranya tidak nyata dua huruf. Sekiranya nyata dua huruf ianya membatalkan solat dalam Mazhab Syafie.
2. Berpaling kerana sesuatu hajat.

3. Membunuh ular, kala jengking atau binatang yang membahayakan.
4. Mendukung atau memeluk kanak-kanak ketika bersolat dengan syarat tidak nyata najis pada kanak-kanak tersebut atau kanak-kanak tersebut tidak menanggung najis (telah berkhatan).
5. Bertasbih atau menepuk tangan untuk memberi peringatan kepada Imam apabila melakukan kesilapan atau memberi keizinan kepada seseorang supaya masuk atau memperingati orang buta dan lain-lain lagi adalah harus.
6. Menyebut permulaan ayat yang Imam terlupa bacaannya.
7. Membaca Al Quran dengan melihat mushaf ketika solat.
8. Mengucapkan Al-Hamdulillah ketika bersin semasa solat.
9. Menjawab salam orang yang memberi salam atau menunaikan sesuatu hajat dengan isyarat samaada dengan tangan, jari atau kepala semasa solat adalah harus.
10. Berjalan sedikit kerana hajat
11. Kesibukan hati dengan sesuatu di luar solat tidak membatalkan solat dan tidak perlu sujud sahwi tetapi amat tidak bermoral dan tidak menepati kesempurnaan solat meskipun solatnya sah.
12. Solat dengan memakai kasut yang suci daripada najis, ini juga bermakna solat dengan memakai setokin juga harus.

HUKUM MENINGGALKAN SOLAT

• Ancaman Allah Dan Hukuman Di Akhirat

Meninggalkan solat dengan sengaja merupakan dosa besar di sisi Allah dan dikira sebagai fasiq. Firman Allah :

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: (Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka (Saqar) ?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat." (Surah Al-Muddatsir: 42-43)

﴿٤٤﴾ خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسُوفَ

يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٤٥﴾

Surah Maryam : 59. "Kemudian mereka akan digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan solat dan memperturutkan hawa nafsunya, maka mereka kelak akan menemui (azab neraka yang bernama) Ghayya."

Sabda Rasulullah SAW :

"مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ مُتَعَمِّدًا فَقَدْ بَرَّتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ"

Maksudnya : "Barangsiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja maka akan mendapat celaan daripada Allah dan RasulNya"

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ : تَرَكَ الصَّلَاةَ

Maksudnya : "Bandingan antara seseorang muslim dengan seorang kafir ialah meninggalkan solatnya"

Sekiranya meninggalkan solat dengan tidak sengaja seperti meninggalkan solat di sebabkan tertidur atau pitam atau gila dan sebagainya, perkara ini di maafkan oleh syarak.

Sabda Rasulullah

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ : عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ " (رواه أحمد والحاكم)

Maksudnya : Terangkat dosa (tidak dikira dosa) disebabkan tiga keadaan : orang yang tertidur sehinggalah dia terjaga, kanak-kanak sehinggalah dia baligh (bermimpi) Dan orang gila sehinggalah dia berakal (sembuh dari gilanya). Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim.

• Hukuman Di Dunia Menurut Syariat

Kitab Manhaj Aqidah Imam Asy-Syafi'i karangan Dr. Muhammad bin Abdul Wahab al-'Aqil menyatakan rangkapan pandangan Imam Asy-Syafi'i;

Sesiapa yang meninggalkan solat wajib dalam keadaan dia Muslim, maka dia perlu ditanya: "Mengapa kamu tidak bersolat?" Kalau dia menjawab: "Saya terlupa." Maka katakanlah: "Solatlah

ketika engkau telah ingat.” Jika dia menjawab: “Kerana saya sakit.” Maka katakanlah kepadanya: “Solatlah semampumu samaada berdiri, duduk atau berbaring atau dengan isyarat.” Apabila dia menjawab: “Saya mampu untuk bersolat, tetapi saya tidak solat dan saya akui solat itu wajib hukumnya.” Maka katakanlah kepadanya: “Solat itu adalah amal yang tidak boleh diwakilkan kepada yang lain. Ia wajib dikerjakan oleh kamu oleh itu bertaubatlah! Jika tidak (bertaubat) kami akan membunuhmu.”

• Hukuman Dalam Enakmen Jenayah Syariah

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, seksyen 20:

"Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menunaikan solat Jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syar'ie atau tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya".

PRAKTIKAL SOLAT

Solat Mesti Mengikut Tatacara Rasulullah

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي. رواه البخاري و الدارمي

“Solatlah kamu sepertimana kamu melihat Aku solat” hadis riwayat al-Bukhari dan ad-Darimi

Wajib Berdiri


عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ
- صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ
فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ رواه البخاري و أبي داود و ترمذي و ابن

ماجة

Daripada Imran Bin Hushain R.A., beliau berkata; Aku telah terkena penyakit buasir maka aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W. mengenai solat (dalam keadaan buasir) maka jawab Baginda “ bersolatlah kamu dalam keadaan berdiri, jika kamu tidak mampu maka solatlah dalam keadaan duduk dan jika tidak mampu juga solatlah dalam keadaan baring mengiring” hadis riwayat al-Bukhari, Abi Daud, Tirmizi dan Ibn Majah.

Berdiri Betul

- ✓ Bagi yang mampu.
- ✓ Kangkangan antara kedua belah kaki jangan terlalu luas, sekadar panjang tapak kaki empunya badan
- ✓ Ada juga pendapat menyatakan seluas sejengkal.



- ✓ Bagi yang tidak mampu, hendaklah cuba berdiri dahulu semasa takbiratul ihram kemudian barulah duduk, namun jika tidak mampu berjalan atau berdiri sekejap maka dia boleh duduk terus.
- ✓ Kangkangan di atas adalah yang terbaik, tetapi ianya adalah subjektif, mungkin bagi orang yang bertubuh besar lebih sesuai dengan kangkangan yang lebih luas.
- ✓ Pastikan mata tidak ditutupkan tanpa keperluan dan pandangan mata ke arah bawah atau tempat sujud agar mata tidak melilau dan memikirkan sesuatu di luar solat.

Niat-niat solat fardu:

i) Niat solat subuh

أُصَلِّيَ فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu subuh dua rakaat sebagai (makmum/imam) kerana Allah Taala.”

ii) Niat Solat Zuhur

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu zuhur empat rakaat sebagai (makmum/imam) kerana Allah Taala,

iii) Niat Solat Asar

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu asar empat rakaat sebagai (makmum/imam) kerana Allah Taala.”

iv) Niat solat Maghrib

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu maghrib tiga rakaat sebagai (makmum/imam) kerana Allah Taala”

v) Niat Solat Isyak

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Isyak empat rakaat sebagai (makmum/imam) kerana Allah Taala,

Menurut Imam Ramli sunat melafazkan niat sebelum takbiratul ihram, tetapi wajib berniat di dalam hati ketika takbir.

Menurut Imam Nawawi pula di dalam kitab Al-Minhaj lafaz niat adalah disunatkan bagi membantu memudahkan untuk menghadirkan niat di dalam hati.

Demikian juga disebut oleh Prof Dr Muhammad Al-Zuhaili di dalam kitab Al-Mukhtamad, lafaz niat adalah untuk membantu niat dan lebih menjauhkan diri dari perasaan was-was.

Walau bagaimanapun, ia bukanlah sesuatu yang wajib kerana Rasulullah SAW dan para sahabat tidak diriwayatkan membaca lafaz niat ketika solat. Yang penting ialah menghadirkan lintasan niat di dalam hati untuk solat.

Bagi mereka yang tidak dapat menyebut lafaz niat, cukuplah dengan melintaskan atau mengasaskan di dalam hati akan solat yang dilakukan, iaitu dengan **menghadirkan 3 perkara** :

- ✓ **Qasad** iaitu menetapkan niat hendak melakukan ibadah semata seperti “**sahaja aku**” ;
- ✓ **Ta'arrudh** iaitu menyatakan tujuan seperti “**solat**”;
- ✓ **Ta'yin** iaitu melakukan penentuan seperti “**tentukan solat tersebut dari jenis fardu@sunat, solat Zohor@Maghrib**” (jika melakukan qasar, perlu dita'yinkan qasar);

Sekurang-kurang niat solat ialah:

“aku solat fardu Zohor/Asar/Maghrib/Isyak,”

Solatnya dikira sah dan sempurna jika niatnya mengandungi perkara-perkara tersebut. Namun sekiranya dapat berniat seperti yang telah dipaparkan sebelum ini, itulah yang terbaik.

Wajib Berniat – Serentak Dengan Takbiratul Ihram

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى . رواه البخاري و أبي داود

“Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat dan setiap perkara itu berdasarkan apa yang diniatkan “ hadis riwayat al-Bukhari dan Abu Daud

Melakukan Takbiratul ihram

إِنَّهُ لَا تَتِمُّ صَلَاةٌ لِأَحَدٍ مِنَ النَّاسِ حَتَّى يَتَوَضَّأَ فَيَضَعَ الْوُضُوءَ ثُمَّ يُكَبِّرُ رواه أبي داود

“Sesungguhnya tidak sempurna solat seseorang daripada manusia sehinggalah dia berwuduk dan menyempurnakan wuduknya kemudian dia bertakbir (takbiratul ihram) “ hadis riwayat Abu Daud


Lafaz Takbir Mestilah Jahri

عَنْ جَابِرٍ قَالَ صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- وَأَبُو بَكْرٍ خَلْفَهُ فَإِذَا كَبَّرَ رَسُولُ اللَّهِ ، كَبَّرَ أَبُو بَكْرٍ لِيُسْمِعَنَا . رواه مسلم

Daripada Jabir R.A., kami bersolat bersama Rasulullah S.A.W. dan Abu Bakar R.A. juga berada di belakangnya. Apabila Rasulullah

S.A.W. bertakbir maka Abu Bakar R.A. juga bertakbir dalam keadaan kami jelas mendengarnya. Hadis riwayat Muslim

Takbiratul Ihram



- ✓ Tangan yang diangkat perlu didepakan bagi lelaki dengan cara ketiak dibuka, namun bagi wanita tangan diangkat tanpa didepakan.
- ✓ Ibu jari berada diparas anak telinga.
- ✓ اللهُ اكبر mesti dilafazkan dengan betul kerana ia rukun qauli sekurang-kurangnya didengari oleh diri sendiri.
- ✓ Ketika takbiratul ihram dimasukkan niat dihati yang merupakan rukun solat.
- ✓ Doa iftitah dibaca selepas takbiratul ihram. Do'a iftitah- (sunat *hai-ah*)

Mengangkat Tangan Semasa Takbiratul Ihram ke Paras Bahu Dan Paras Dua Telinga

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- إِذَا قَامَ لِلصَّلَاةِ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى تَكُونَا حَذَوِ مَنْكِبَيْهِ ثُمَّ كَبَّرَ

Memperbaiki Dan Menyempurnakan Solat

Daripada Abdullah Bin Umar, beliau menyatakan; “saya melihat Rasulullah S.A.W. apabila memulakan solat Baginda mengangkat tangannya hingga ke paras dua bahunya kemudian bertakbir” hadis riwayat Muslim.

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ -صلى الله عليه وسلم- حِينَ افْتَتَحَ الصَّلَاةَ رَفَعَ يَدَيْهِ حِيَالَ أُذُنَيْهِ

Daripada Wail Bin Hujr, beliau menyatakan; “saya melihat Rasulullah S.A.W. apabila memulakan solat Baginda mengangkat tangannya hingga setentang dengan dua telinganya...” hadis riwayat Abu Daud.

Doa Iftitah

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا . إِنِّي
وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ
الْمُشْرِكِينَ . إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَا وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ
لَهُ وَبَذَلْتُ أَمْرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ .

“Allah Maha Besar lagi sempurna kebesarannya segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak. Maha Suci Allah sepanjang pagi dan petang, sesungguhnya aku menghadapkan mukaku kepada zat yang menciptakan langit dan bumi dengan keadaan lurus dan berserah diri dan bukannya aku termasuk dalam golongan musyrik, sesungguhnya solatku ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah semesta alam. Tiada sekutu baginya kerana itu aku rela diperintah dan aku adalah golongan muslimin”

Keadaan Tangan Bersedekap Di Atas Pusat

عَنِ ابْنِ جَرِيرٍ الضَّبِّيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ عَلِيًّا - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - يُمْسِكُ شِمَالَهُ
بِيَمِينِهِ عَلَى الرُّسْغِ فَوْقَ السُّرَّةِ. رواه أبي داود

Daripada Ibn Jarir daripada ayahnya, beliau berkata; Aku telah melihat Saidina Ali R.A. memegang tangan kiri dengan tangan kanannya di atas pergelangan tangan dan diletakkan di bahagian atas pusatnya. Hadis riwayat Abi Daud



- ✓ Silangan tangan kanan memegang bahagian pergelangan tangan kiri.
- ✓ Silangan tangan diletakkan di atas daripada pusat dan di bawah dada.
- ✓ Sunat membaca doa *iftitah*
- ✓ Sunat membaca *ta'awwudz*
- ✓ Wajib membaca Al-Fatihah.
- ✓ Sunat diiringi dengan bacaan ayat Al Quran pada rakaat pertama dan kedua.
- ✓ Sunat takhir kemhali sebelum rukuk

Ramai yang lalai terhadap perbuatan berdiri yang sempurna ini dengan keadaan mata yang liar. Sedangkan mata perlu tetap memandang ke arah tempat sujud. Melainkan bersolat di Masjidil Haram yang hukum memandang Kaabah adalah sunat.

Hadis Meletakkan Telapak Tangan Kanan di atas Pergelangan


sesudah bertakbir, seseorang yang bersembahyang, **sunat** meletakkan tangan kanannya di atas belakang tangan serta pergelangan tangan kirinya.

Ini berdasarkan Hadith yang diriwayatkan oleh Wa'il bin Hujr bahawa beliau melihat Nabi Muhammad s. a.w. telah mengangkat kedua-dua belah tangannya sewaktu memulakan sembahyang, lalu bertakbir, kemudian Baginda merapatkan bajunya kemudian meletakkan tangan kanannya di atas belakang tangan, pergelangan tangan dan sedikit lengan kirinya.

Mengikut pendapat ulama' Syafi'i dan Hanbali pula,

cara meletak tangan ini adalah dengan meletakkan tangan kanan ke atas pergelangan tangan kiri atau sekitarnya. Ini berdasarkan Hadith Ibn Hajar yang telah dinyatakan sebelum ini. Perlu dinyatakan bahawa pergelangan tangan tersebut merupakan hujung sendi tangan yang paling hampir kedudukannya dengan ibu jari.

Kedudukan Wanita Ketika Berdiri Tegak dan Takbiratul Ihram




Terdapat sedikit perbezaan antara praktikaliti solat lelaki dan wanita.

Keadaan atau kedudukan anggota tangan dan kaki wanita dirapatkan ketika solat samaada semasa berdiri tegak atau ketika takbiratul ihram dan takbir intiqal. (keadaan ketika sujud akan diterangkan dalam perbahasan sujud)

* Berdiri tegak : Tangan dan kaki dirapatkan sambil mata memandang ke tempat sujud.

* Takbir : Ketiak dirapatkan begitu juga tangan rapat ke dada.




Ketidaksamaan Antara Lelaki Dan Wanita Dalam Solat

عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- مَرَّ عَلَى امْرَأَتَيْنِ تُصَلِّيَانِ فَقَالَ : « إِذَا سَجَدْتُمَا فَضُمَّمَا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الْأَرْضِ ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيْسَتْ فِي ذَلِكَ كَالرَّجُلِ » .

Daripada Yazid bin Abi Habib berkata ; “ Sesungguhnya Nabi S.A.W. melalui berhampiran dua orang wanita yang sedang bersolat, maka Baginda menegur keduanya “ Apabila kamu berdua sujud maka hendaklah dirapatkan sebahagian daging ke bumi, kerana wanita tidaklah sama seperti lelaki.” Hadis riwayat al-Baihaqi

Hadis ini sememang tidak begitu kuat untuk berhujah, tetapi Imam Syafie telah melakukan ijtihad agar dibezakan sedikit pergerakan wanita semasa melakukan praktik solatnya seperti takbir, sujud dan rukuk. Ini adalah kerana bimbang pergerakan yang sama dengan lelaki akan mendedahkan aurat wanita. Ini juga merupakan satu didikan supaya wanita menjaga tindakan yang boleh membawa kepada terdedahnya aurat sebagaimana Nabi S.A.W. amat menitikberatkan aurat wanita.



Membaca Surah Al Fatihah

Selepas membaca doa *Iftitah* diikuti *ta'awwudz* kemudian diteruskan dengan membaca surah Al Fatihah, iaitu :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ② الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ⑤
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

1. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
2. Segala puji bagi Allah yang mentadbir sekalian Alam
3. Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang
4. Yang merajai Hari Pembalasan
5. Hanya kepadaMu kami menyembah dan hanya kepadaMu saja kami mohon pertolongan
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus
7. Jalan mereka yang Engkau beri nikmat, bukan jalan mereka yang Engkau murkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.

Perhatian : Lihat kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan semasa membaca Al-Fatihah yang telah dipaparkan sebelum ini.

Membaca Sebarang Ayat Atau Surah

Selepas membaca surah Al-Fatihah, diteruskan dengan membaca ayat-ayat atau surah-surah Al-Quran yang pendek bagi solat berjamaah dan bagi yang solat sendirian disunatkan membaca ayat-ayat atau surah-surah yang panjang .

Pastikan ayat atau surah yang dibaca pada rakaat pertama lebih awal kedudukannya daripada rakaat kedua. Contohnya tidak membaca Surah Al-Falaq pada rakaat pertama kemudiannya Al-Ikhlâs pada rakaat kedua. Jika terbaca Surah An-Nas pada rakaat pertama maka pada rakaat kedua juga perlu dibacakan Surah An-Nas

Rukuk

وَأَقِمْوْا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

“Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan rukuklah beserta orang-orang yang rukuk”. Al-Baqarah ayat 43

Setelah selesai membaca surah-surah yang pendek, kemudian lakukan rukuk iaitu dengan mengangkat tangan separas telinga sambil membaca takbir *intiqaal* iaitu *“Allaahu Akbar”*, kemudian diteruskan dengan keadaan badan membongkok, tangan memegang lutut dengan ditekan sedikit dan perlu diperhatikan supaya antara punggung dan kepala rata. Sedangkan mata tetap memandang kearah sejadah.(tempat sujud)



Ramai yang lalai terhadap perbuatan rukuk yang sempurna dengan keadaan lutut yang tidak lurus melainkan bagi yang bermasalah atau tidak mampu dan begitu juga mata yang liar.

وَإِذَا رَكَعَ أَمَكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ ، ثُمَّ هَضَرَ ظَهْرَهُ . رواه البخاري

“Dan apabila Baginda S.A.W. rukuk, Baginda meletakkan tangannya dilututnya dan tunduk meluruskan belakangnya” hadis riwayat al-Bukhari

إِذَا رَكَعَ أَمَكَنَ كَفْيِهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ ، وَفَرَجَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ ، ثُمَّ هَضَرَ ظَهْرَهُ غَيْرَ مُقْنِعٍ رَأْسَهُ وَلَا صَافِحَ بَاحِدِهِ . رواه البيهقي

“Apabila Baginda S.A.W. rukuk, Baginda meletakkan dua tapak tangannya pada kedua lututnya dan merenggangkan antara jari-jarinya kemudian tunduk meluruskan belakangnya dalam keadaan tidak terlalu menundukkan kepalanya dan tidak mendongak” Hadis riwayat al-Baihaqi



Memperbaiki Dan Menyempurnakan Solat



Bacaan tasbih ketika rukuk

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung dan Pada Mu segala puji-pujian" Sebanyak 3 kali

Wajib tomakninah : berhenti seketika sekadar sebutan "SubhanaLlah"

I'tidal



عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ وَكَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا.

رواه مسلم

Daripada Saidatina 'Aisyah R.A. beliau menyatakan “ apabila Baginda S.A.W. mengangkat kepala dari rukuk, Baginda S.A.W. tidak sujud melainkan setelah berdiri dengan sempurna lebih dahulu (iaitu berdiri l'tidal)”. Hadis riwayat Muslim

Sesudah selesai melakukan rukuk di teruskan dengan l'tidal iaitu bangkit berdiri tegak dengan mengangkat kedua tangan sampai ke telinga dengan jari-jari terbuka seperti ketika takbiratul ihram sambil membaca *tasmi'* iaitu

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Allah Maha Mendengar akan sesiapa yang memuji-Nya.

Ketika berdiri l'tidal pandangan tetap ditujukan ke arah tempat sujud dan membaca:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

Ya Tuhan kami, untuk-Mu segala pujian

Kedua-dua perbuatan rukuk dan i'tidal perlu *Toma'ninah* (rukun)

Turun Daripada I'tidal Ke Sujud

Selepas kita melakukan I'tidal serta selesai membaca bacaan-bacaannya, kemudian kita melakukan sujud, iaitu dengan mengucapkan takbir *intiqaal* : *Allahu Akbar* sambil turun untuk meetakkan dahi ke lantai.

Mula-mula kedua-dua lutut dijatuhkan ke lantai disusuli kedua-dua tapak tangan dalam keadaan terbuka kemudian diikuti dahi di lantai sementara letak kedua tangan diregangkan bagi lelaki dan dirapatkan bagi perempuan (lutut perempuan juga dirapatkan).



Turun Dengan Meletak Lutut Dahulu

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- إِذَا سَجَدَ وَضَعَ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ وَإِذَا نَهَضَ رَفَعَ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ. رواه أبي داود و ترمذي و

النسائي و ابن ماجه و الدارمي

Daripada Wail bin Hujr. “Aku melihat Rasulullah saw ketika hendak sujud meletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya dan apabila bangkit mengangkat dua tangan sebelum kedua lututnya.” – Hadits dikeluarkan oleh Abu Daud, Tirmidzi, An-Nasa’i, Ibnu Majah dan Ad-Darimi.

Sujud

Selepas kita melakukan I'tidal beserta bacaan-bacaannya, kemudian kita melakukan sujud.

Sunat membaca sebanyak tiga kali tasbih yang berikut :

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi dan Pada Mu segala pujian"

Wajah Yang Terletak Di Antara Dua Tangan


ثُمَّ سَجَدَ وَوَضَعَ وَجْهَهُ بَيْنَ كَفْيَيْهِ . رواه أبي داود

Petikan hadis daripada Wail Bin Hujr menggambarkan sujud Baginda "...kemudian Baginda sujud dan meletakkan mukanya diantara kedua tapak tangannya.." (Riwayat Abu Daud).

Sujud Atas 7 Anggota

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -
أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ عَلَى الْجَبْهَةِ - وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ -
وَالْيَدَيْنِ ، وَالرُّكْبَتَيْنِ وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ ، وَلَا نَكُفُّ الثِّيَابَ وَالشَّعَرَ. رواه
البخاري و مسلم

Daripada Ibn Abbas R.A., beliau menyatakan; Nabi S.A.W. bersabda
“ Aku diperintahkan untuk bersujud di atas tujuh anggota iaitu di atas
dahi (sambil mengisyaratkan dengan tangan Baginda ke arah
hidungnya) kedua tapak tangan, kedua lutut dan hujung kedua tapak
kaki dan tidak ditutupi pakaian dan rambut.” Hadis riwayat al-Bukhari
dan Muslim




7 Anggota Sujud

- Tapak kaki (sekurang-kurangnya diwakili oleh hujung je jari kaki, kesalahan ini sering berlaku dan menyebabkan tidak sah nya solat.
- Dua lutut
- Dua tapak tangan
- Dahi (hidung tidak wajib tetapi makruh sujud tanpa dikenakan hidung)
- Kedudukan antara lutut dengan dada dijarakkan, Rasulullah melarang sujud seperti anjing.
- Kedudukan antara betis dengan punggung dijarakkan
- Keadaan tangan ketika sujud yang perlu didepakan, hanya wanita yang perlu rapat
- Wajah yang disujudkan terletak di antara kedua-dua tapak tangan



Kedudukan Kaki Ketika Sujud

Jumhur ulama daripada Mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali menyatakan **batal solat** jika hujung jari tidak dibengkokkan



Kedudukan Jari Kaki Yang Salah Ketika Sujud

Nabi S.A.W. bersabda “ *Aku diperintahkan untuk bersujud di atas tujuh anggota iaitu ... (salah satunya) hujung kedua tapak kaki*” Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim



Rapat Atau Tidak Tapak Kaki Ketika Sujud?

Kedua-dua kedudukan ini adalah betul, cuma yang tepat pada pandangan mazhab Syafie ialah menggunakan pendapat secara merenggangkan kaki sekadar sejengkal. Meskipun terdapat hadis menyuruh merapatkan kaki iaitu:

قَالَتْ عَائِشَةُ زَوْجُ النَّبِيِّ : فَقَدْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ مَعِيَ عَلَى فِرَاشِي ، فَوَجَدْتُهُ سَاجِدًا رَاصًا عَقْبَيْهِ مُسْتَقْبِلًا بِأَطْرَافِ أَصَابِعِهِ الْقِبْلَةَ

Berkata 'Aisyah isteri Nabi S.A.W.: "Aku kehilangan Rasulullah S.A.W. padahal beliau tadi tidur bersamaku, kemudian aku dapati beliau tengah sujud dengan merapatkan kedua tumitnya (dan) menghadapkan hujung jarinya ke kiblat" (Diriwayatkan oleh Al Imam Al-Hakim dan Ibnu Huzaimah)

Pandangan yang menyatakan tidak perlu merapatkan tumit menerima lafaz hadis Imam Muslim yang tidak mempunyai kalimat "راصا عقبه" bermakna "merapatkan kedua tumit" dan menganggap hadis di atas terdapat kelemahan.

Mazhab Syafie juga menggunakan hadis daripada Abu Humaid yang menerangkan sifat solat Rasulullah yang menyatakan:


كَانَ إِذَا سَجَدَ فَرَّغَ بَيْنَ رَجْلَيْهِ . رواه أبي داود

“Adalah Rasulullah apabila sujud baginda merenggangkan di antara kedua kakinya” Hadis riwayat Abi Daud.

Apa-apa pun ianya tidak melibatkan sah dan batalnya solat, bahkan bagi penulis jika seseorang yang gemuk lebih baik menggunakan pendapat untuk merapatkan kedua tumit agar tidak nampak pehanya ketika sujud. Manakala bagi mereka yang lain, merenggangkan kaki adalah lebih utama.

Duduk Antara Dua Sujud

Setelah sujud, kita mengangkat kepala sambil mengucapkan takbir *intiqaal* : “*Allahu Akbar*”, kemudian terus duduk dengan tenang. Duduk ini dinamakan duduk antara dua sujud, sebab masih ada duduk yang lain lagi



Sujud Dan Duduk Antara Dua Sujud

وَقَالَ إِذَا سَجَدْتَ فَمَكِّنْ
لِسُجُودِكَ فَإِذَا رَفَعْتَ فَأَقْعُدْ
عَلَى فَخْذِكَ الْيُسْرَى . رواه

أحمد و أبي داود

"Apabila kamu bersujud, maka tetapkanlah sujudmu, dan apabila kamu bangkit, maka duduklah di atas peha kirimu" (Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

- Kedua tapak tangan berada di atas lutut, hujung jari adalah sama dengan hujung lutut.
- Duduk ini dinamakan duduk *iftirash*, kerana tapak kaki yang kiri diduduki, tapak kaki yang kanan ditegakkan di atas lantai sementara hujung jari kaki mengadap ke arah kiblat (duduk bersimpuh) sambil membaca :-

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَالرَّحْمَنُ يَ وَالرَّحْمَنُ يَ وَالْجَبْرُوتِ
وَالرَّزْقُوتِ وَأَهْدِنِي وَاعْفُ عَنِّي

"Ya Allah ! ampunilah dosaku, belas kasihanilah aku, dan angkatlah darjatku dan cukuplah segala kekuranganku dan berilah rezeki kepadaku, dan berilah aku petunjuk dan sejahterakanlah aku dan berilah keampunan padaku."

Penerangan Mengenai Takbir Intiqal

Terdapat dua jenis takbir :

1. **Takbiratul Ihram** – takbir pada permulaan solat, merupakan rukun fe'li wajib dilakukan.
2. **Takbir Intiqal** – takbir yang diucapkan untuk menyelangi antara perbuatan-perbuatan di dalam solat melainkan sewaktu bangkit daripada rukuk untuk i'tidal yang disebut bacaan *tasmi'*

Sewaktu takbir intiqal hanya pada perbuatan tertentu sahaja yang dilakukan serentak dengan perbuatan mengangkat tangan, iaitu:

- i) Ketika ingin Rukuk
- ii) Ketika bangun daripada Rukuk
- iii) Ketika bangkit daripada Tasyahhud Awwal

Ada juga keadaan takbir intiqal yang tidak perlu mengangkat tangan :

1. Takbir hendak sujud.
2. Takbir bangkit daripada sujud untuk duduk antara dua sujud.
3. Takbir untuk sujud yang kedua.
4. Takbir untuk duduk tahiyat.


Sujud Kedua

Setelah kita duduk antara dua sujud, kita sujud yang kedua kalinya seperti sujud yang pertama dengan mengucapkan *takbir intiqal* "Allahu Akbar" kemudian membaca tasbeih seperti pada sujud yang pertama. Sampai pada sujud kedua ini, kita telah mendapat satu rakaat.


Memperbaiki Dan Menyempurnakan Solat

Maka yang disebut satu rakaat ini terdiri daripada:

1. Berdiri (berdiri betul / dengan tangan bersedekap)
2. Rukuk
3. I'tidal
4. Sujud
5. Duduk di antara dua sujud, dan;
6. Sujud kedua.



Bangkit Daripada Sujud



أَخْبَرَنَا مَالِكُ بْنُ الْحُوَيْرِثِ اللَّيْثِيُّ أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ يُصَلِّي ، فَإِذَا كَانَ فِي وَتْرٍ مِنْ صَلَاتِهِ لَمْ يَنْهَضْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَاعِدًا . رواه البخاري

Dikhabarkan oleh Malik Bin Al-Huwayris Al-Laisi, “sesungguhnya beliau melihat Nabi S.A.W. bersolat, apabila Nabi S.A.W. berada pada rakaat yang ganjil (rakaat pertama dan ketiga) daripada solatnya, Nabi S.A.W. tidak terus bangkit (daripada sujudnya) sehingga duduk tegak (duduk istirahat) terlebih dahulu”. Hadis riwayat al-Bukhari

روي مالك ابن الحويرث رضي الله عنه : أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَوَى قَاعِدًا ، وَاعْتَمَدَ عَلَى الْأَرْضِ بِيَدَيْهِ . رواه البخاري بمعناه

Daripada Malik Bin Al-Huwayris RadiAllah ‘Anh, “sesungguhnya Rasulullah SAW (ketika bangkit daripada sujudnya) duduk tegak (duduk istirahat) dan menggantung kedua tangannya ke bumi (untuk bangkit)” Hadis riwayat al-Bukhari dengan maknanya.


Duduk Tasyahhud Awwal / Tahiyat Awwal

Dalam solat fardu yang mempunyai jumlah rakaatnya tiga atau empat, maka dalam rakaat kedua kita akan duduk untuk membaca *tasyahhud* / *tahiyat awwal*. Ketika duduk tasyahhud awal ini telapak kaki kiri diduduki, sedangkan kaki kanan ditegakkan.

رُوي أَبُو حُمَيْد السَّاعِدِي قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا جَلَسَ فِي الْأَوَّلَيْنِ ، جَلَسَ عَلَى قَدَمِهِ الْيُسْرَى وَ نَصَبَ الْيُمْنَى . رواه البخاري

Daripada Abu Humaid As-Sa'idiy, Adalah Rasulullah SAW apabila duduk tahiyat awwal Baginda akan duduk di atas kaki kirinya dan menegakkan kaki kanannya” hadis riwayat al-Bukhari

Kedudukannya sama seperti duduk *Ifitirash* ketika duduk antara dua sujud yang telah diterangkan sebelum ini.



Disebut *tasyahhud* kerana pada bacaan tahiyat ada dua kalimat syahadat, , manakala disebut tahiyat kerana dimulai dengan kata-kata *Attahiyyat*, yang bererti penghormatan . Tasyahhud ada dua jenis , iaitu tasyahhud awwal dan tasyahhud akhir.

Kedudukan Dan Gerakan Jari Semasa Tasyahhud



Ketika Tasyahhud



Sebelum Tasyahhud

- Ibu jari dibengkokkan sedikit agar jelas hanya jari telunjuk sahaja yang ditegakkan.
- Jari telunjuk diangkat ketika membaca kalimah “*ilLallah*”. namun sunat tidak lurus bendul tetapi dibengkokkan sedikit seperti yang dinyatakan di dalam hadis di bawah
- Setelah selesai tasyahhud kedudukan jari dikekalkan dalam keadaan terangkat sehinggalah tamat solat dengan salam

Sunat Membengkokkan Sedikit Jari Yang Lurus

عَنْ مَالِكِ بْنِ نُمَيْرٍ الْخُزَاعِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ -صلى الله عليه وسلم-
وَاضِعًا ذِرَاعَهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى رَافِعًا أَصْبُعَهُ السَّبَّابَةَ قَدْ خَنَاهَا شَيْئًا.

Daripada Malik Bin Numair dan ayahnya berkata, “aku melihat Nabi S.A.W. meletakkan siku kanannya di atas paha kanan, sambil mengangkat jari telunjuknya yang telah dibengkokkan jarinya” Hadis riwayat Abi Daud

Sunat Melihat Jari Telunjuk Ketika Tasyahhud

عن عبد الله بن الزبير ، « أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا تَشَهَّدَ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى ، وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى ، وَأَشَارَ بِأَصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ لَا يُجَاوِزُ بَصَرَهُ إِشَارَتَهُ »

Daripada Abdullah Bin Az Zubair berkata “ Sesungguhnya Nabi S.A.W. apabila bertasyahhud, Baginda meletakkan tangan kirinya di atas paha kirinya, tangan kanan di atas paha kanan dan mengisyaratkan dengan jari telunjuknya serta tidak melepaskan pandangan matanya daripada jari isyaratnya” hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu Hibban

Hanya Diangkat Tanpa Digoyangkan – Syafie dan Jumhur

« أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُشِيرُ بِالسَّبَّابَةِ وَ لَا يُحَرِّكُهَا

“Sesungguhnya Nabi S.A.W. telah mengangkat dan menunjukkan jari telunjuknya tanpa menggoyangkannya” hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu Hibban.

Bangkit Daripada Duduk Tasyahhud / Tahiyat Awwal

Bangun Tahiyat Awwal

عَنْ مُطَرِّفِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ صَلَّيْتُ خَلْفَ عَلِيِّ
بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَنَا وَعِمْرَانُ بْنُ حُصَيْنٍ ، فَكَانَ إِذَا
سَجَدَ كَبَّرَ ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ كَبَّرَ ، وَإِذَا نَهَضَ مِنَ
الرُّكْعَتَيْنِ كَبَّرَ . رواه البخاري



Daripada Mutarrif Bin Abdullah berkata, “Aku bersolat di belakang Ali Bin Abi Talib R.A. bersamaku ‘Imran Bin Hushain, “ Nabi S.A.W. apabila ingin sujud, Baginda bertakbir. Apabila mengangkat


Kesemua perkara melibatkan pergerakan jari ketika tasyahhud ini adalah perkara yang sunat dan tidak termasuk di dalam perkara sah dan batal di dalam solat, maka sebarang pertembungan pendapat yang merugikan dan tiada nilai ilmu perlu dikesampingkan. Paparan penulis mengenai pandangan di atas tidak menafikan adanya pandangan lain. Inilah juga pendirian penulis dalam perbahasan dan pemaparan pendapat-nendamat dalam hah-hah lain vana hertemhuna.

kepalanya Baginda bertakbir, apabila bangkit daripada dua rakaat Baginda bertakbir. Hadis riwayat al-Bukhari

Ini menunjukkan mengangkat tangan beserta takbir dilakukan pada rakaat pertama (takbiratul ihram) dan rakaat ketiga (bangkit daripada tasyahhud). Tidak disunatkan mengangkat tangan semasa bangun untuk rakaat kedua. Ianya juga satu formula untuk membezakan antara rakaat keempat dan ketiga, sekaligus mengelakkan was-was.

Duduk Tasyahhud Akhir / Tahiyat Akhir


Tasyahhud akhir dilakukan ketika duduk tasyahhud akhir (duduk penghabisan) . Duduk tasyahhud akhir ini berlaku pada rakaat yang ketiga (untuk solat Maghrib) atau rakaat keempat pada solat Zuhur , Asar dan Isyak dan rakaat kedua untuk solat Subuh.



، فَإِذَا جَلَسَ فِي الرُّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى ، وَإِذَا جَلَسَ
فِي الرُّكْعَةِ الْآخِرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْآخَرَى وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ . رواه

البخاري

Maka apabila Baginda duduk pada rakaat kedua, Baginda duduk di atas kakinya yang kiri dan menegakkan kakinya yang kanan, dan apabila duduk pada rakaat yang terakhir, Baginda mendepankan kaki kirinya dan menegakkan kaki kanannya disamping duduk di atas punggungnya. Hadis riwayat al-Bukhari.



- Ketika tasyahhud akhir ini punggung didudukkan di atas lantai, kaki kiri dimasukkan ke bawah kaki kanan dan kaki kanan ditegakkan. Dinamakan duduk *Tawarru'*.
- Bagi mereka yang tidak mampu melakukan duduk sempurna secara *Tawarru'* ini boleh melakukan duduk *Iftirash* atau cara lain yang mudah baginya.

Bacaan Tasyahhud / Tahiyat Awwal

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ . أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Bacaan Tasyahhud / Tahiyat Akhir

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ
اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ . أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

“ Segala kehormatan, segala keberkatan, segala doa, segala kebaikan itu adalah kepunyaan Allah S.W.T., Sejahteralah ke atas Junjungan Nabi S.A.W. dengan segala kerahmatan Allah S.W.T. dan keberkatanNya. Sejahtera juga ke atas kami dan hamba-hamba Allah S.W.T. yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah S.W.T. dan Muhammad S.A.W. itu Pesuruh Allah S.W.T. Ya Allah, Rahmatilah Muhammad S.A.W. dan seluruh keluarga

Memperbaiki Dan Menyempurnakan Solat

Muhammad S.A.W. Sebagaimana Engkau telah merahmati Ibrahim A.S. dan keluarga Ibrahim A.S. Di dalam Alam Semesta ini hanya Engkau sahaja Yang Paling Terpuji dan Yang Paling Mulia “


Salam

Setelah selesai membaca tahiyat akhir, kemudian kita memberi salam dengan mengucapkan kata salam, iaitu :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ
حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ . رواه أبي داود

Daripada Abdullah Bin Mas'ud, “sesungguhnya Nabi SAW memberi salam ke kanan dan ke kiri sehingga nampak putih pipi Baginda” hadis riwayat Abi Daud.



- Salam yang pertama merupakan rukun Qauli yang perlu dilafazkan dengan betul
- Kemudiannya diikuti salam yang kedua iaitu dengan memalingkan kepala ke kiri sehingga ke pipi kiri nampak seluruhnya dari arah belakang yang merupakan salam sunat.
- Sebutan “Assalamualaikum” dimulakan semasa muka mengadap kiblat, kemudian “warahmatuLLah” kepala dipalingkan hingga nampak pipi.
- Disunatkan mengusap muka selepas salam ataupun menyapu dahi dan hidung.

Adab Dalam Bersolat

Apa yang dipaparkan dalam praktikaliti dan perbahasan-perbahasan sebelum ini adalah praktikal terbaik yang disyorkan untuk kita. Namun dalam kita melakukan semua praktikaliti tersebut perlulah dimasukkan nilai adab-adab dalam bersolat, contohnya;

- a. Pastikan keikhlasan serta menghadirkan diri bagi menggapai kekhusyukan di dalam solat. Solat yang sempurna tatacara penunaianannya adalah jambatan mendapatkan kekhusyukan.
- b. Kita ingin menyebut bacaan-bacaan solat yang betul tetapi pastikan sebutan tersebut tidak terlalu kuat sehingga melangkawi 3 orang bunyinya, makruh hukumnya kerana boleh mengganggu jemaah yang lain

- c. Bagi makmum lelaki, jika kita ingin lakukan takbiratul ihram dengan betul tetapi keadaan jemaah solat yang begitu ramai dan sesak menyebabkan kita tidak perlu melakukan depaan tangan dengan lebar, memadai kita lakukan apa yang dapat sahaja
- d. Kita ingin lakukan kedudukan duduk tahiyat akhir/tawarru' dengan betul tetapi keadaan jemaah solat yang begitu ramai dan sesak menyebabkan kita tidak perlu melakukan tawarru'/duduk tahiyat akhir. Memadai kita lakukan pergerakan duduk tahiyat awwal/iftirasy sahaja.
- e. Pastikan kita tidak memakan makanan yang berbau sebelum solat kerana ditakuti mengganggu makmum yang lain seperti bawang, petai dan lain-lain.
- f. Sebaiknya pakailah pakaian yang baik, sebaiknya pakaian putih, berfesyenkan sunnah seperti jubah, serban, kopiah dan disertakan wangian bagi lelaki.

RUJUKAN

1. القرآن الكريم
2. الأحاديث النبوية
3. المجموع شرح المذهب للنووي
4. الإقناع في حل ألفاظ أبي شجاع للشريني
5. مغنى المحتاج للشريني
6. المعتمد في الفقه الشافعي للدكتور محمد الزحيلي
7. الفقه الاسلامي و أدلته للدكتور وهبه الزحيلي
8. Konsep Dan Pengamalan Solat, Satu Kajian Di Zaman Rasulullah, Sahabat Dan Tabi'in – Dr Anisah Abd Ghani
9. Formula Solat Sempurna – Us. Zaharuddin Abd Rahman
10. Pedoman Pesakit, Panduan Bersuci, Solat Dan Puasa Bagi Pesakit – Us Azhar Yahya dan Ust Fadilah Yaacob